



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

RM268 JUTA DIBELANJAKAN BAGI ATASI MASALAH BANJIR DI SIBU

SIBU, 6 OKTOBER 2024 – YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah membuat lawatan kerja ke Tapak Projek Rancangan Tebatan Banjir Sibu (Fasa 3) dan lawatan ke kawasan banjir Kg. Usahajaya, Sentosa, Sibu, Sarawak.

Sebanyak RM268 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu yang melibatkan tiga (3) fasa secara keseluruhannya.

Projek RTB Sibu bermula dengan pelaksanaan Fasa 1 dan Fasa 2 yang melibatkan kos kontrak sebanyak RM183 juta telah siap sepenuhnya pada 2012 dan 2015. Projek ini telah memberi manfaat perlindungan risiko bencana banjir kepada lebih 10,000 penduduk dengan keluasan 400 hektar yang melibatkan kawasan kediaman, komersial dan sekolah di sekitar Jalan Upper Lanang termasuk Kem Pasukan Gerak Am (PGA).

Manakala RTB Fasa 3 yang melibatkan kos kontrak sebanyak RM85 juta telah siap sepenuhnya pada 1 Disember 2023. Dengan terlaksananya projek ini, lebih 15,000 penduduk di Kampung Datu, Kampung Hilir, Kampung Nangka, Kampung Datu Baru dan kawasan perumahan dan

komersial sekitar Jalan Bandong, Jalan Tun Abang Haji Openg dan Jalan Awang Ramli Amit serta seluas 270 hektar kawasan dapat dilindungi dari risiko bencana banjir.

Bagi meneruskan pelaksanaan RTB Sibu, Kerajaan Sarawak di bawah RMKe-12 telah meluluskan skim projek Fasa 4 bernilai RM120 juta. Projek ini dijangka akan dapat melindungi kawasan seluas 618 hektar setelah siap dilaksanakan kelak yang sebahagian besarnya meliputi kawasan Bukit Assek.

Selain itu, YAB Menteri PETRA juga turut meluangkan masa turun padang bagi melihat sendiri kejadian banjir yang melanda Kampung Usahajaya, Sentosa, Sibu dan kawasan sekitar. Bagi menyelesaikan isu ini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sibu turut telah menerima peruntukan sebanyak RM25 juta di bawah peruntukan Projek Rakyat Kerajaan Sarawak untuk melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kampung tersebut yang dijangka disiapkan pada April 2025.

Manakala bagi mengurangkan beban rakyat setempat akibat bencana banjir, sebanyak RM1.5 juta turut diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan kerja-kerja segera penyelenggaraan dan baik pulih struktur yang rosak akibat banjir.

Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan cakna dalam memastikan kelestarian pelaksanaan projek-projek Kerajaan untuk memastikan impak yang maksima demi kesejahteraan rakyat dan merangsangkan ekonomi Sarawak. Secara langsung, projek ini dijangka akan turut dapat meningkatkan semula aktiviti sosio-ekonomi serta menjamin kelangsungan perhubungan penduduk setempat di samping

mengurangkan kerugian harta benda, kemudahan awam dan kehilangan nyawa akibat banjir.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

6 OKTOBER 2024



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my